

Daya Tahan dalam Kalangan Guru Alaf 21

Mohd Salmi Osman¹, Maria Chong Abdullah^{2*}, Abdul Aziz Ismail³ & Samsilah Roslan⁴

¹ Sekolah Kebangsaan Taman Melawati 2, Taman Melawati, 53100 Gombak, Selangor

^{2,3} Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

⁴ Putra Science Park, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRACT

A teacher is said to be resilient when he or she is able to face all the challenges including changes that occur in the educational system. Teachers whom are resilient are able to accept these changes as challenges and not as a hindrance or problems. Resiliency develops from time to time and this ability or capacity that emerges in the individuals is in the form of skill. This particular skill will eventually become the strength that sustains and gradually become part of the individuals themselves. There are several factors that contribute to resilience, be it individual or environmental factors. Among the factors that contribute to teacher's resilience are emotional, social and spiritual Intelligence. Teachers who are lacking in resiliency are unable to carry out their tasks well and they will be less productive, and this will in turn affect their commitments. Moreover, effects of low resiliency will create stress and burnout among teachers.

Keywords: Resilience, emotional intelligence, social intelligence, spiritual intelligence.

Abstrak

Seorang guru itu dikatakan mempunyai daya tahan apabila guru tersebut mampu menghadapi segala cabaran termasuklah perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan. Mereka yang mempunyai daya tahan menjadikan perubahan ini sebagai satu cabaran dan bukannya halangan atau satu masalah kepada mereka. Daya tahan berkembang dari semasa ke semasa dan kebolehan atau kapasiti yang muncul dalam individu adalah dalam bentuk kemahiran. Kemahiran ini akhirnya akan menjadi kekuatan yang berkekalan dan menjadi sebahagian daripada diri individu. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada daya tahan, sama ada faktor individu atau faktor persekitaran. Antara faktor yang menyumbang kepada daya tahan guru adalah seperti kecerdasan emosi, kecerdasan sosial dan kecerdasan spritual. Guru yang dikatakan kurang daya tahan tidak dapat menjalankan tugas dengan baik serta produktivitinya juga kurang dan ini seterusnya akan menjejaskan komitmen mereka. Selain itu kesan daya tahan yang rendah juga dapat mencetuskan tekanan dan "*burnout*" dalam kalangan guru.

Kata Kunci: Daya tahan, kecerdasan emosi, kecerdasan sosial, kecerdasan spritual

PENDAHULUAN

Guru merupakan individu yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan hasrat serta wawasan negara dapat dicapai. Pada asasnya tugas utama seorang guru ialah menyampaikan ilmu pengetahuan, memperkembangkan kemahiran dan membentuk nilai-nilai murni dan modal insan yang seimbang dan harmoni daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Peranan serta tanggungjawab ini menjadi semakin mencabar dan sudah pasti menuntut seorang guru yang mempunyai daya tahan serta jati diri yang tinggi. Ismail Sabri et. al., (2011) menyatakan bahawa seorang guru seharusnya mempunyai daya tahan dan mampu berdepan dengan perkembangan semasa dalam sistem pendidikan di Malaysia.

*Corresponding author: mariac@upm.edu.my

ISSN: 2289-...X © Universiti Putra Malaysia Press

Menurut Taylor (2013) daya tahan adalah elemen penting yang diperlukan dalam diri setiap orang guru bagi memenuhi cabaran serta perubahan yang mendatang untuk terus kekal dalam profesion keguruan. Daya tahan guru dapat dipertingkatkan apabila guru mampu menilai situasi yang buruk, menyedari pilihan untuk menangani dan mencapai penyelesaian yang sesuai (Lawrence & Anthony, 2009). Guru yang mempunyai daya tahan sudah pasti mampu untuk mengawal keadaan atau situasi di samping meneruskan khidmat profesionalisme berteraskan etika keguruan. Apabila daya tahan guru kurang, maka banyak kesan negatif lain yang akan timbul seperti tekanan emosi dan kemurungan yang akhirnya akan menyebabkan berlakunya gejala 'burnout'.

Burnout didefinisikan sebagai sindrom psikologikal yang melibatkan keadaan seperti keletihan emosi, hilang sifat-sifat keperibadian dan keperihatinan, dan mengalami perasaan yang berkurangan terhadap pencapaian peribadi dalam pelbagai golongan ahli profesional. Golongan ahli profesional ini termasuk guru, pegawai polis, peguam, jururawat, dan lain-lain (Maslach, dipetik dalam Poghosyan, Aiken, dan Sloane, 2010). Guru juga merupakan golongan profesional yang sentiasa berurusan dengan individu lain seperti pihak pentadbiran, rakan sekerja, murid dan masyarakat dalam situasi yang mencabar. Nancy Schultz (2011) menyatakan bahawa kebanyakan guru yang menceburi profesion keguruan ini tidak bersedia untuk menghadapi tekanan yang mungkin berlaku, kurang mendapat sokongan sosial, dan memikul pelbagai bebanan kerja. Mereka ini akan hilang keyakinan terhadap keupayaan mereka, menjadi tidak produktif, tidak dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dan sering menimbulkan masalah di tempat kerja. Keadaan ini boleh mendatangkan kesan jangka panjang terhadap diri guru, murid-murid, rakan sekerja, pihak pentadbiran sekolah seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, pada Mei 2013, beberapa aspek penting telah ditekankan dalam mentransformasikan keguruan sebagai satu profesion pilihan. Antara elemen yang diletakkan dalam anjakan ini adalah: (1) Mengetatkan syarat lantikan guru mulai 2013 supaya dalam kalangan graduan 30% teratas sahaja yang akan dipilih; (2) Meningkatkan kualiti CPD (*Continuing Professional Development*) mulai 2013, dengan lebih tumpuan ke atas keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah; (3) Memastikan guru memberi fokus ke atas fungsi teras pengajaran mulai 2013 dengan mengurangkan beban kerja pentadbiran; (4) Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi mulai 2016; (5) Meningkatkan laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran dan pakar bidang khusus menjelang 2016 serta membudayakan kecemerlangan berasaskan pimpinan rakan sekerja dan proses pensijilan mulai 2025.

Pelaksanaan elemen-elemen di atas menunjukkan keperihatinan kerajaan dalam memertabatkan profesion keguruan yang dipandang tinggi oleh segenap masyarakat. Hasrat murni ini sudah pasti tidak dapat dicapai oleh guru sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran serta mempunyai daya tahan bagi menghadapi semua perubahan serta membuat anjakan paradigma bagi merealisasikan hasrat serta cita-cita murni negara. Justeru, guru perlu berusaha bagi memastikan daya tahan mereka sentiasa seiring dengan kemajuan sistem pendidikan negara, agar kesan daripada kurangnya daya tahan guru tidak menjejaskan matlamat sistem pendidikan negara seterusnya profesion keguruan itu sendiri.

DEFINISI DAN KONSEP DAYA TAHAN

Menurut Glantz dan Johnson (1999) terminologi daya tahan pada amnya merujuk kepada keupayaan untuk bangun semula (*bounce back*) atau kebingkasan daripada sebarang rintangan, tekanan, atau trauma, dan berjaya menghadapi dan mengadaptasikan diri dalam keadaan yang sukar. Ianya dilihat sebagai satu fenomena yang multidimensional dan mempunyai latar belakang yang berbeza. Dalam bidang pendidikan, sains sosial, psikologi, serta perubatan, daya tahan adalah sinonim dengan istilah kekuatan, berdaya tindak, kejayaan, resisten terhadap tekanan, kompeten dan kekuatan-ego (Garmezy, dipetik dalam Ibrahim Talib, 2009). Dalam bidang sains sosial khususnya, daya tahan telah dikaitkan dengan pengurusan tekanan, pengubahsuaian, adaptasi dan berdaya tindak (Glantz dan Johnson, 1999).

Daya tahan sering dikaitkan dengan kekuatan atau keupayaan individu dalam menghadapi sebarang keadaan. Menurut Oswald, Johnson, dan Howard, (2003) daya tahan merupakan keupayaan untuk mengatasi kelemahan peribadi dan tekanan persekitaran serta berupaya bangkit semula (*bounce back*) dalam menghadapi risiko dan mengekalkan kesejahteraan. Brunetti (2006) pula mendefinikan daya tahan guru sebagai kualiti yang membolehkan guru untuk mengekalkan komitmen terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran mereka walaupun dalam keadaan mencabar dan rintangan yang berulang. Guru yang mempunyai daya tahan berupaya untuk menggunakan tenaga secara produktif bagi mencapai matlamat sekolah walaupun dalam keadaan yang sukar (Patterson et al., 2004).

Benders dan Jackson (2012) seterusnya mendefinisikan daya tahan guru sebagai pemboleh ubah berkaitan dengan ketahanan, keyakinan dan keberkesanan, kecekapan, rasa kekitaan, dan kebergunaan. Ketahanan di sini merujuk kepada kesediaan guru untuk terus mencuba dalam menghadapi rintangan. Guru yang berkeyakinan pula mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kebarangkalian untuk berjaya. Manakala keberkesanan merujuk kepada komitmen guru terhadap bidang tugas yang telah ditetapkan. Kecekapan pula merujuk kepada kesediaan, kemampuan dan tahap profesional guru dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik. Seterusnya guru yang mempunyai perasaan kekitaan akan menganggap diri sebagai sebahagian daripada wawasan atau visi kumpulan pendidik tersebut. Akhir sekali kebergunaan dirujuk kepada keperluan untuk memiliki daya usaha, kerajinan, dan penglibatan (melakukan sesuatu tanpa diberitahu).

Daya tahan merupakan satu kekuatan psikologi yang boleh dipupuk, diperkembang dan dipertingkatkan. Wagnild (1993) memberikan pandangan bahawa terdapat lima ciri penting yang boleh mengukuhkan daya tahan seorang guru iaitu kehidupan yang bermakna, kecekalan, berdikari, kesabaran dan menerima diri seadanya. Oleh yang demikian, adalah sangat penting bagi guru memupuk daya tahan yang tinggi untuk melihat segala perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan sebagai satu cabaran dan bukannya halangan atau masalah kepada mereka. Ciri ini adalah selaras dengan pandangan Grotberg (1997) yang menyatakan bahawa daya tahan merupakan keupayaan manusia untuk menghadapi cabaran, mengatasi segala rintangan serta mendapat kekuatan melalui pengalaman, kesulitan yang dilalui sebelum ini. Kajian oleh Tait (2008) juga jelas menunjukkan daya tahan adalah faktor penyumbang kepada kejayaan guru untuk bertahan di dalam profesion keguruan.

TEORI DAN MODEL DAYA TAHAN

Konsep daya tahan guru tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa membincangkan beberapa teori dan model daya tahan yang penting. Antara teori dan model daya tahan yang akan dibincangkan seterusnya ialah; (1) Teori Daya Tahan Richardson; (2) Teori Resilien Wolin dan Wolin; (3) Model Daya Tahan Maddi dan Khoshaba; dan (4) Model Daya Tahan Kumpfer.

Teori Daya Tahan Wolin dan Wolin

Wolin dan Wolin (1993), mencadangkan suatu teori daya tahan berdasarkan kajian klinikal terhadap dua puluh lima pesakit di beberapa klinik persendirian. Mengikut teori tersebut, daya tahan merupakan satu kebolehan atau kemahiran yang berkembang dari semasa ke semasa dan menjadi kekuatan yang berkekalan dalam diri seseorang. Kebolehan dan kemahiran ini termasuk celik akal, kemandirian, perhubungan, inisiatif, kreativiti, humor dan moraliti. Menurut teori ini, individu boleh “menyingkap” atau “menemui” daya tahan dalaman diri hanya dengan membaca atau memahami kejayaan daya tahan individu lain.

Biscoe dan Harris (1994) seterusnya telah mencipta suatu skala untuk mengukur tujuh kebolehan dan kemahiran daya tahan berdasarkan hasil kerja Wolin dan Wolin (1993), dan skala tersebut dinamakan sebagai *Resilience Attitude Scale* (RAS). RAS mengandungi tujuh dimensi atau subskala daya tahan iaitu: celik akal, berdikari, perhubungan, inisiatif, kreativiti dan humor, moraliti dan daya tahan am (*General Resiliency*). Dalam RAS, Biscoe dan Harris (1994) telah menggabungkan subskala kreativiti dan humor menjadi satu subskala dan menambah subskala daya tahan am sebagai subskala yg ketujuh. Subskala ‘Daya Tahan Am’ (*General Resiliency*) mewakili kemahiran dan kesungguhan menyelesaikan kesukaran serta kepercayaan bahawa seseorang berupaya untuk hidup dalam keadaan yang lebih baik (Biscoe dan Harris, 1994).

Teori Daya Tahan Richardson

Teori daya tahan telah dihuraikan dengan jelas dalam kajian tentang daya tahan yang dilakukan oleh Richardson (2002) dalam tiga peringkat. Pada peringkat pertama, beliau melihat kualiti daya tahan daripada aspek keselamatan terutamanya bagi golongan muda dalam situasi kehidupan berisiko tinggi. Pada peringkat kedua beliau mengkaji bagaimana seseorang mencapai kualiti daya tahan. Seterusnya pada peringkat ketiga, Richardson mengkaji bagaimana aspek motivasi dalaman seseorang ketika mengharungi kesusahan dan berdaya tahan. Berdasarkan teori Richardson, daya tahan dilihat sebagai suatu kuasa dalaman yang mengarahkan individu mencari hasrat atau matlamat diri, mengutamakan orang lain, mempunyai sifat seperti pemurah, bijaksana dan harmoni bersumberkan kekuatan kerohanian. Dengan kuasa ini, seseorang berupaya mengharungi kehidupan dalam mencari hasrat atau matlamat diri. Selain kuasa dalaman, individu juga memerlukan kuasa luaran seperti jaringan sosial dan persekitaran untuk mengukuhkan daya tahan dalam dirinya.

Secara ringkasnya, daya tahan ini ialah keupayaan yang dimiliki oleh seseorang untuk menghadapi sesuatu situasi yang sukar. Daya tahan penting dalam sesebuah organisasi kerana organisasi kini memerlukan individu yang berdaya tahan, individu yang cepat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan dan individu yang dapat mengubah haluan serta bangkit kembali selepas mengalami kejatuhan atau kegagalan (Maddi & Khoshaba,


2005).

Fokus utama dalam mengkaji daya tahan dalam profesion keguruan ialah terhadap keupayaan seseorang guru mengenali tahap atau kualiti daya tahan mereka dalam situasi yang sukar dan mencabar. Selain itu, kajian terhadap daya tahan guru juga bertumpu pada keupayaan seseorang guru untuk mencapai tahap dan kualiti daya tahan yang unggul serta peranan motivasi intrinsik dalam membantu mereka menghadapi kesukaran dan terus berdaya tahan.

Model Daya Tahan Maddi dan Khoshaba

Maddi dan Khoshaba (2005) menekankan bahawa daya tahan menjadi asas kepada ketahanan atau kekuatan seseorang. Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh mereka terhadap kumpulan individu yang berdaya tahan mendapati mereka yang berdaya tahan mempunyai sikap yang teguh dalam 3C iaitu komitmen (*Commitment*), kawalan (*Control*) dan cabaran (*Challenge*). Dengan memiliki 3C ini, maka individu berupaya menghadapi sebarang perubahan dan situasi yang mencabar seterusnya membentuk individu yang berdaya tahan. Hubungan antara 3C adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 1.


Rajah 1: Model Daya Tahan Maddi dan Khoshaba (2005)



Model Daya Tahan Kumpfer

Kumpfer (1999) telah menghasilkan satu model daya tahan. Berdasarkan model daya tahan ini, Kumpfer telah menerangkan interaksi antara konteks atau faktor persekitaran dengan faktor dalaman sebagai peramal kepada daya tahan individu. Faktor persekitaran merujuk kepada keseimbangan faktor risiko dan faktor pelindung yang merangkumi domain persekitaran utama iaitu keluarga, masyarakat, budaya, sekolah dan rakan sebaya. Domain persekitaran inilah yang akan bertindak sama ada sebagai faktor risiko atau faktor pelindung dalam meramal daya tahan individu. Manakala faktor dalaman individu pula merujuk kepada dimensi kognitif, emosi, spiritual (rohani), fizikal dan sosial. Kesemua dimensi ini mempunyai peranan yang penting dalam mempengaruhi dan memupuk daya tahan individu. Rajah 2, di bawah menerangkan faktor penyumbang dan proses yang membentuk daya tahan dalam diri individu.

Rajah 2: Model Daya Tahan Kumpfer (1999, hlm. 185)



KESAN DAYA TAHAN TERHADAP GURU

Menurut Taylor (2013), daya tahan merupakan elemen penting yang diperlukan oleh setiap guru bagi memenuhi cabaran-cabaran yang mendatang dan terus kekal dalam profesion keguruan. Apabila daya tahan guru kurang maka produktiviti guru akan menurun. Guru yang tidak produktif sudah pasti kurang menyumbang kepada sistem pendidikan negara. Kajian terdahulu mendapati profesion keguruan merupakan kerjaya yang sering menghadapi tekanan kerja yang tinggi (Cooper, 1995; Hart et al., 1995; dipetik dalam Mazlina Sulaiman, 2013). Ini disebabkan oleh faktor desakan yang menuntut guru memenuhi permintaan dan sasaran tinggi dalam bidang pendidikan. Akibatnya guru tidak dapat memberikan sepenuh komitmen terhadap kerjaya serta mempunyai prestasi kerja yang rendah (Mazlina Sulaiman, 2013). Keadaan ini adalah disebabkan oleh daya tahan diri yang rendah.

Kajian Susan et al., (2011) terhadap daya tahan guru di kawasan metropolitan Amerika Syarikat mendapati bahawa individu yang berdaya tahan melihat masalah sebagai kesempatan untuk meningkatkan lagi kemajuan diri. Manakala individu yang kurang berdaya tahan akan mengalami kesan yang negatif akibat tekanan yang dihadapi oleh mereka. Manakala dapatan kajian Zost (2010) terhadap daya tahan guru di kawasan pedalaman menunjukkan faktor sokongan rakan sekerja dan keupayaan untuk menyesuaikan diri di dalam situasi baharu memberi impak kepada daya tahan guru.

Tekanan (*stress*) juga dikatakan berpunca daripada kurangnya daya tahan. Kajian tentang tekanan yang dijalankan oleh Baharin dan Mariam (2011) melaporkan faktor beban tugas serta kurangnya daya tahan merupakan faktor utama yang menyebabkan tekanan yang dialami oleh guru. Hasil kajian tersebut mendapati guru-guru terpaksa melakukan kerja-kerja pengkeranian dalam tugas mereka. Mereka menjadi tertekan dan tidak dapat mengawal diri kerana kurangnya daya tahan. Situasi dan senario yang berlaku ini sudah pasti mengundang kesan yang negatif terhadap produktiviti dan profesion kaguruan itu sendiri. Guru yang mempunyai kompetensi yang hebat bakal melahirkan lebih ramai lagi generasi baharu yang akan menerajui negara. Namun sekiranya daya tahan guru berada di tahap yang membimbangkan sudah pasti keadaan ini tidak akan berlaku.

FAKTOR PENYUMBANG TERHADAP DAYA TAHAN GURU

Berdasarkan kepada Model Daya Tahan Kumpfer (1999) selain daripada faktor persekitaran, faktor dalaman individu merupakan peramal kepada daya tahan seseorang individu. Faktor dalaman tersebut termasuklah kognitif, emosi, spiritual, sosial atau tingkah laku dan fizikal. Di samping itu, Reivich dan Shatte (2002) menekankan tujuh faktor yang membentuk daya tahan, iaitu aturan emosi, pengendalian impuls, optimistik, empati, analisis sebab dan akibat (*causal analysis*), dan efikasi sendiri. Perbincangan dalam kertas ini tertumpu kepada tiga faktor dalaman individu yang menyumbang kepada daya tahan guru iaitu kecerdasan emosi, kecerdasan sosial dan kecerdasan spiritual.

Kecerdasan Emosi dan Daya Tahan

Kecerdasan emosi merupakan salah satu faktor yang penting dalam menentukan daya tahan seorang guru. Menurut Mayer dan Salovey (1997) kecerdasan emosi merujuk kepada kemampuan seseorang membuat persepsi dan penyampaian emosi secara tepat, menggunakan emosi untuk berfikir, memahami dan mengurus emosi dalam diri sendiri dan diri individu lain. Kecerdasan emosi adalah satu set kecekapan sosial dan peribadi yang membantu individu dalam mengurus keadaan dalaman mereka dan interaksi mereka dengan orang lain.

Goleman (1995) telah menyenaraikan 20 kompetensi kecerdasan emosi yang masing-masing tergolong dalam empat domain atau dimensi kecerdasan emosi, iaitu domain kesedaran sendiri, kesedaran sosial, pengurusan diri dan pengurusan perhubungan. Dapatan kajian Schneider, Lyons, dan Khazon, (2013) menunjukkan bahawa aspek kecerdasan emosi berupaya meningkatkan daya tahan psikologi seseorang individu. Kajian Dhamodharan dan Ravikumar (2014) pula membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan daya tahan. Seterusnya Trapp dan Caryn (2010) mengukuhkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan daya tahan guru. Cherniss (2001) pula mencadangkan kecerdasan emosi mesti diterapkan ke dalam diri guru untuk kegunaan dalam profesion mereka. Guru yang mempunyai kecerdasan emosi akan dapat mengurus perasaan, menangani tekanan, menghadapi kegagalan dengan lebih optimis, dapat mengatasi segala kesukaran, dan seterusnya dapat meningkatkan daya tahan diri.

Kecerdasan Sosial dan Daya Tahan

Menurut Rathee dan Kumari (2014) kecerdasan sosial adalah elemen utama yang membuat seseorang individu berjaya dalam hidup. Kecerdasan sosial adalah kemampuan individu untuk berinteraksi secara berkesan dengan persekitarannya. Hubungan interpersonal dalam persekitaran kerja yang pelbagai itu sendiri mencerminkan kecerdasan sosial. Kecerdasan sosial adalah satu aspek pembangunan penting dalam pendidikan. Kecerdasan sosial boleh dipelajari, dibangunkan dan digunakan sebagai kemahiran hidup yang berkesan untuk menguruskan kehidupan peribadi, hubungan interpersonal dan mencapai kejayaan. Guru memerlukan tahap kecerdasan sosial yang tinggi kerana amalan pengajaran guru melibatkan interaksi dengan individu lain dalam persekitaran pekerjaan mereka. Justeru dalam disyorkan bahawa guru perlu diberi kesedaran tentang kepentingan kecerdasan sosial ini (Rathee dan Kumari, 2014).

Tony Buzan (2002) menjelaskan kecerdasan sosial adalah ukuran kemampuan diri seseorang dalam pergaulan di dalam masyarakat dan kemampuan interaksi sosial dengan individu di sekeliling mereka. Kepentingan kecerdasan sosial dalam menentukan daya tahan diakui secara umum oleh ahli psikologi. Individu berdaya tahan bergantung kepada orang lain untuk membantu mereka hidup pada masa yang sukar. Palucka, Celinski, Salmon, dan Shermer, (2011) dalam kajian mereka mendapati kecerdasan sosial merupakan aspek penting dalam daya tahan peribadi seseorang individu. Dapatan kajian Stalnaker dan Janeen (2013) telah melaporkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kecerdasan sosial dengan daya tahan seseorang individu.

Berdasarkan hasil kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa kecerdasan sosial dan daya tahan merupakan dimensi penting dalam diri seseorang guru. Guru yang mempunyai kecerdasan sosial berupaya untuk berinteraksi dan membina hubungan yang positif dengan persekitaran mereka lalu berupaya untuk meningkatkan daya tahan diri.

Kecerdasan Spiritual dan Daya Tahan

Antara faktor penyumbang kepada daya tahan adalah kecerdasan spiritual. Emmons (2000) mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai "penggunaan yang adaptif maklumat rohani untuk memudahkan penyelesaian masalah sehari-hari dan pencapaian matlamat". Beliau mencadangkan lima komponen kecerdasan spiritual (rohani) iaitu (1) Keupayaan untuk mengatasi atau menghadapi fizikal dan material; (2) Keupayaan untuk merasai sesuatu keadaan yang berupaya meningkatkan kesedaran; (3) Keupayaan untuk menyucikan atau membersihkan pengalaman kehidupan; (4) Keupayaan untuk menggunakan sumber-sumber kerohanian untuk menyelesaikan masalah; dan (5) Keupayaan untuk menjadi mulia. Menurut Zohar dan Marshall (2000), kecerdasan spiritual berkaitan dengan amalan dan pengetahuan individu dalam merungkai persoalan-persoalan tentang makna dan nilai.

Mengikut perspektif Islam pula, Fatimah (2012, dipetik dalam Tajulashikin Jumahat, 2014), berpendapat bahawa kecerdasan spiritual merujuk kepada fitrah dan kecenderungan jiwa manusia yang merangkumi semua aspek kehidupan yang bermakna dan sejahtera. Menurut Shahibuddin, (2000, dipetik dalam Tajulashikin Jumahat, 2014), kecerdasan spiritual menghubungkan potensi afektif manusia iaitu jiwa, hati dan roh dengan aktiviti kognitif. Kecerdasan spiritual ini sebenarnya berkait rapat dengan konsep kesedaran spiritual yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali (1980, dipetik dalam Norhayati Zakaria, 2011), sebagai dua unsur hati

(unsur kasar dan unsur halus) yang berkait dengan hakikat kejadian dan kerohanian manusia. Dalam hal ini, kecerdasan spiritual merujuk kepada unsur hati yang halus dalam diri manusia untuk merasa, mengetahui dan mengenal diri.

Menurut Ballenger dan Douglas (2010) antara faktor penyumbang kepada daya tahan seseorang adalah kompetensi individu, mempercayai naluri (*inctinct*), menerima perubahan yang positif, dan mengawal rohani atau spritual. Hasil kajian Hamid et al., (2012) menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual merupakan peramal yang signifikan terhadap daya tahan individu. Dhamodharan dan Ravikumar (2014) turut menyokong bahawa kecerdasan spiritual dan daya tahan mempunyai hubungan yang positif antara satu sama lain.

Kajian yang dilakukan oleh Jeanette (2008) terhadap kecerdasan spritual guru di tempat kerja mendapati bahawa apabila guru diberi penekanan tentang visi, misi dan nilai yang dibawa oleh organisasi sekolah, mereka akan merasakan kerja mereka lebih bermakna. Guru-guru juga perlu mengambil peluang menyuburkan kecerdasan spritual mereka dengan banyak bermeditasi, lebih menghayati persekitaran dan alam sekeliling, mendengar muzik, serta mencari kawan yang boleh mendengar permasalahan diri. Jelas sekali di sini, kecerdasan spritual menyumbang kepada ketenangan jiwa dan memberi makna di dalam kehidupan guru sekaligus menyumbang kepada daya tahan mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, daya tahan dalam kalangan guru masa kini merupakan satu aspek yang penting dalam memastikan prestasi guru di negara ini berada pada tahap yang cemerlang. Guru yang berkualiti dikatakan dapat mengajar serta mendidik anak murid menjadi insan yang cemerlang di masa hadapan. Kualiti guru tidak hanya boleh diterjemahkan melalui pencapaian mereka semasa mengikuti kursus pendidikan sama ada di institusi perguruan atau di mana-mana institusi pengajian tinggi, tetapi melalui tugas yang dilaksanakan sebagai seorang guru. Daya tahan merupakan salah satu dimensi yang boleh dilihat dan dinilai pada guru sama ada guru baharu atau guru yang telah lama berkhidmat. Faktor-faktor seperti kecerdasan emosi, sosial dan spiritual memainkan peranan penting dalam memupuk daya tahan dalam kalangan guru. Daya tahan inilah yang akan mendorong guru-guru untuk berkhidmat dengan lebih baik dan berkesan ke arah mewujudkan suasana kerja yang sihat dan selamat, seterusnya melahirkan modal insan yang seimbang dan harmoni daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

CADANGAN

Model dan kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa faktor seperti kecerdasan emosi, kecerdasan sosial dan kecerdasan spiritual memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada daya tahan guru. Justeru itu semua pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah perlu mengambil inisiatif dan langkah proaktif dan berterusan dalam merangka dan melaksanakan program-program intervensi yang diperlukan dalam usaha memupuk dan meningkatkan daya tahan dalam kalangan guru. Sebagai contoh, program atau kursus pasca perkhidmatan boleh dianjurkan untuk guru yang belum disahkan jawatan ataupun guru yang menunjukkan gejala *burnout*.

Di samping itu, pihak sekolah khususnya pentadbir dan unit bimbingan & kaunseling juga boleh mengenal pasti guru-guru yang kurang berdaya tahan seterusnya merangka dan melaksanakan program intervensi yang dapat membantu memupuk dan mengekalkan daya tahan mereka. Guru-guru sendiri juga perlu meningkatkan kesedaran diri tentang tahap daya tahan mereka bagi meningkatkan profesionalisme mereka serta kemajuan dalam bidang kerjaya sebagai pendidik.

Para penyelidik dan ahli psikologi boleh mengambil inisiatif untuk meneliti dan mengkaji dimensi daya tahan ini, serta melihat faktor atau pemboleh ubah lain yang menyumbang kepada daya tahan guru. Faktor atau pemboleh ubah lain yang boleh dikaji adalah seperti daya tindak, efikasi sendiri, penghargaan sendiri, motivasi, trait personaliti, serta faktor luaran seperti sokongan sosial dan sebagainya.

RUJUKAN

- Baharin Abu dan Mariam Aziz. (2011). Stress dalam kalangan guru di dua buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai. *Journal of Education Psychology & Counseling*.
- Ballenger, K., & Douglas, C. (2010). *Key Facts on Resilience*, Naval Center for Combat & Operational Stress Control.
- Benders, D. S., & Jackson, F. A. (2012). Teacher Resiliency: Nature or Nurture?. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 2 No. 16.
- Biscoe, B., & Harris, B. (1994). *Resiliency Attitudes Scale Manual (R.A.S)*. Eagle Ridge Institute,

- Inc., New Destiny Oklahoma City, Oklahoma.
- Brunetti, G. J. (2006). Resilience under fire: Perspectives on the work of experienced, inner city high school teachers in the United States. *Teaching and Teacher Education*, 22(7), 812– 825. <http://doi.org/10.1016/j.tate.2006.04.027>
- Cherniss, C. (2001). Emotional intelligence and organizational effectiveness, dlm. C. Cherniss & D. Goleman (Editor). *The emotionally intelligent workplace: How to select for measure and improve emotional intelligence in individuals, groups and organizations* San Fransisco: Jossey-Bass.
- Dhamodharan, V., & Ravikumar, T. (2014). Relationship among Emotional Intelligence, Spiritual Intelligence and Psychological Resilience of Corporate Executives in India. *Indian Journal of Applied Research*, (August), 349–352.
- Emmons, R., A. (2000). Is spirituality an intelligence? *The International Journal for the Psychology of Religion*. 10:27-34.
- Glantz, M. D., & Johnson, J. L. (1999). *Resilience and Development: Positive Life Adaptations*. New York: Kluwer Akademik/Plenum Publishers.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Grotberg, E. H. (1997). The International Resilience Project. *Presented at the International council of Psychologist confrence*, Graz, Austria.
- Hamid N., Keikhosravani M., Babamiri M., Dehghani M., (2012). Relationship of mental health and spiritual intelligence with students withstand. *Jentashaiper Journal*. Summer. Vol 3. 331-338.
- Ibrahim Taib. (2009). Pembinaan Model Resiliensi Remaja Sekolah. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur, Fakulti Pendidikan. University Malaya (UM).
- Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin. (2011). Kemantapan Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Teras Kemenjadian Guru Pendidikan Teknik Dan Vokasional. *Journal of Edupres*, Volume 1 September 2011, Pages 357-363.
- Jeanette, K. L. (2008). Sprituality in the workplace: a reality for South African Teachers? *South African Journal of Education*. Vol 28:505-517.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Kumpfer, K.L. (1999). *Faktors and Processes Contributing to Resilience: The Resilience Framework*. In M.D. Glantz, & J.L. Johnson (Eds.), *Resilience and Development: Positive Life Adaptations* (pp.179-224). New York: Kluwer Akademik/Plenem Publishers.
- Lawrence J. Saha & Anthony Gary Dworkin. (2009). International Handbook of Research on Teachers and Teaching. International Handbook of research on Teacher and Teaching, Springer Science & Business Media.
- Norhayati Zakaria (2011). Pengaruh Faktor Kecerdasan Emosi Dan Spiritual Serta Faktor Sosial Terhadap Strategi Kognitif Regulasi Kendiri Emosi Dan Tingkah Laku Sosial Remaja. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Maddi, S. R., & Khosaba, ed. (2005). *Resilience at Work*, N: Amacom.
- Mayer, J. D., & Solovey, P. (1997). What is emotional intelligence? *Educational implications*. New York: Basic Book.
- Mazlina Sulaiman. (2013). Hubungan Tekanan Dengan Komitmen Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran Di Empat Buah Sekolah Rendah Daerah Pontian. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Nancy Schultz Thornqvist. (2011). Emotional Intelligence and Burnout among Teachers in a Rural Florida School District. The Graduate School of the University of Florida.
- Oswald, M., Johnson, B., & Howard, S. (2003). Quantifying and Evaluating Resilience Promoting Factors : Teachers' Beliefs and Perceived roles. *Research in Education*, 70, 50– 64.
- Palucka, A. M., Celinski, M. J., Salmon, J. D., & Shermer, P. (2011). *SOCIAL AND EMOTIONAL INTELLIGENCE : CONTRIBUTORS TO RESILIENCE AND* (p. Chapter 4).
- Patterson, J. H, Collins, L, & Abbott, G. (2004). A study of teacher resilience in urban schools. *Journal of Instructional Psychology*, 31(1), 3-11.
- Poghosyan, L., Aiken, L. H., & Sloane, D. M. (2010). Factor structure of the Maslach Burnout Inventory: An analysis of data from large scale cross-sectional surveys of nurses from eight countries. *NIH Public Access Author Manuscript Int J Nurs Stud. Author Manuscript*, 46(7), 894–902. <http://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2009.03.004>.
- Rathee, I., & Kumari, N. (2014). Social Intelligence of Perspective Teachers In Relation To Their Gender and Subject Stream Indu Rathee. *International Education E-Journal*, (Ii), 134–138.
- Reivich, K. & Shattle, A. (2002). *The resilience factor: 7 Essential Skills for Overcoming Life's Inevitable Obstacles*. New York: Broadway Books.
- Richardson, G. E. (2002). The Metatheory of Resilience and Resiliency. *Journal of Clinical Psychology*, 58, 307-321.

- Schneider, T. R., Lyons, J. B., & Khazon, S. (2013). Emotional intelligence and resilience. *Personality and Individual Differences*, 55(8), 909–914. <http://doi.org/10.1016/j.paid.2013.07.460>
- Stalnaker & Janeen. (2013). The varieties of resilient experience: An integral inquiry into the typology of resilience. INSTITUTE OF TRANSPERSONAL PSYCHOLOGY, 2013, 191 pages; 3596839. <http://search.proquest.com/docview/1449375929>.
- Susan, Y. Jones, M. & Singer, N. R. (2011). Teacher Resilience in Urban Schools: The Importance of Technical Knowledge, Profesional Community, and Leadership Opportunities. *Urban Education*. XX(X) 1-19.
- Tait Melanie. (2008). Reselince as a Contributar to novice Teacher Success, Commitment, and Retention Teachers Education Quarterly, Fall, 57-75.
- Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah. (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Taylor J. L., (2013). The Power of Resilience: A Theoretical Model to Empower, Encourage and Retain Teachers. The Qualitative Report 2013 Volume 18, Article 70, 1-25. University of St. Thomas, Houston, Texas, USA.
- Tony Buzan. (2002). *The power of social intelligence*. Noida: Gopsons Paper Ltd.
- Trapp & Caryn S. (2010). The association among emotional intelligence, resilience, and academic performance of preservice teachers. University Of Phoenix, 215 pages; 3425727
- Wagnild, G. M., Young, H. M. (1993). Development and Psychometric Evaluation of Resilience Scale. *Journal of Nursing Measure*. 1(2), 78-165.
- Wolin, S. J., & Wolin, S. (1993). *The Resilient Self: How Survivors of Troubled Families Rise Above Adversity*. New York: Villard Books.
- Zohar, D. & Marshall, I. (2000). *SQ-Spiritual intelligence, the ultimate intelligence*. New York: Bloomsbury.
- Zost, G. C. (2010). An examination of Resiliency in Rural Special Educators. *The Rular Educator*. 31(2):10-14